



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
كلية الدراسات الإسلامية  
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

**AL-TURATH**  
Journal of al-Quran and al-Sunnah

## AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 7 ISSUE 1 2022

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-7-no-1-2022/>


### Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

### Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah  
Faculty of Islamic Studies  
The National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017  
Email: [alturathjournal@gmail.com](mailto:alturathjournal@gmail.com)

Journal QR Code :



## PERANAN PENGURUSAN MASJID DAN AHLI JEMAAH DALAM MENGIMARAHKAN INSTITUSI MASJID PASCA WABAK COVID-19: SATU SOROTAN

### The Role of Mosque Management and Congregation Members in Encouraging the Mosque Institution After the Covid-19 Outbreak: A Highlight

Mohd Ridhuwan Remly\*,<sup>1</sup> Siti Nor Azimah Sabaruddin,<sup>2</sup> Nur Kamilah Kamaruddin,<sup>2</sup> Nik Nurul Akmal Ab  
Alim<sup>2</sup>, Muhd Najib Abdul Kadir,<sup>3</sup> Fadlan Mohd Othman,<sup>3</sup> Hamdi Ishak<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil Selangor.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan  
Malaysia, Bangi, Selangor. Malaysia

\*ridhuwanremly@yahoo.com (Corresponding author)

#### Abstrak

Masjid merupakan sebuah tempat berkumpulnya masyarakat umat Islam sama ada untuk menunaikan ibadah ataupun urusan-urusan lain yang berkaitan dengan kehidupan seharian. Pada asasnya umat Islam berkumpul di masjid sekurang-kurangnya lima kali sehari iaitu pada waktu solat berjemaah. Namun pada hari, dunia dikejutkan dengan penyebaran pandemik COVID-19. Penyebaran wabak ini turut menjejaskan aktiviti pengimarahkan institusi masjid. Kehadiran jemaah di masjid pada hari ini bergantung sepenuhnya kepada SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib. Artikel ini bertujuan untuk memperincikan peranan serta tanggungjawab yang perlu diambil oleh pihak pengurusan masjid serta peranan ahli jemaah dalam menghadapi wabak COVID 19 supaya institusi masjid sentiasa diimarahkan seterusnya selamat dikunjungi oleh para jemaah. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Data dikumpulkan daripada analisis dokumen ke atas situasi semasa COVID-19 serta SOP yang dikeluarkan oleh pihak KKM dan diaplikasikan di institusi masjid kemudiannya dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan institusi masjid terus diimarahkan walaupun dengan SOP yang telah ditetapkan. Pihak pengurusan masjid dan ahli jemaah perlu mematuhi segala SOP dikeluarkan oleh pihak berwajib untuk memastikan syiar terbesar umat Islam ini terus diimarah walaupun pandemik COVID-19 ini masih belum pulih sepenuhnya.

**Kata Kunci:** Pengurusan masjid, ahli jemaah, imarah, tanggungjawab, wabak COVID 19

#### Abstract

The mosque is a gathering place for the Muslim community either to perform worship or other matters related to daily life. Basically, Muslims gather in the mosque at least five times a day during congregational prayers. Yet on the day, the world was shocked by the spread of the COVID-19 pandemic. The spread of this epidemic also affected the activities of the mosque institution. The presence of the congregation at the mosque today depends entirely on the SOP that has been set by the authorities. This article aims to detail the role and responsibilities that need to be taken by the management of the mosque as well as the role of congregation members in dealing with the COVID 19 epidemic so that the mosque institution is always engaged and safe to be visited by the congregation. This study is a qualitative study that uses a content analysis design. Data collected from document analysis on the current situation of COVID-19 as well as SOP issued by the KKM and applied in mosque institutions were then analyzed descriptively. The findings of the study show that the mosque institution continues to be engaged even with the SOP that has been set. The management of the mosque and members of the congregation must comply with all SOP issued by the authorities to ensure that the biggest message of the Muslims continues to be engaged even though the COVID-19 pandemic has not yet fully recovered.

**Keywords:** Mosque management, congregation members, imarah, responsibility, epidemic COVID 19

## PENDAHULUAN

Kehadiran jemaah ke masjid boleh dijadikan sebagai penanda aras tahap keimanan dan pengukuhan kerohanian individu Muslim. Sebaliknya, kegagalan memenuhi tuntutan ini membawa kepada kelemahan iman dan kelemahan silaturahim dalam komuniti. Menghadirkan diri ke masjid dengan tujuan untuk memakmurkan dan mengimarahkan masjid merupakan usaha yang sangat terpuji dan disukai oleh Allah dan Rasulullah SAW. Usaha ini tidak mampu dilakukan secara bersendirian, namun perlu dilakukan secara kolektif. Sebuah masyarakat yang mempunyai komuniti yang berakhlak mulia, beramal soleh serta rukun tetangga yang menerapkan nilai-nilai keislaman seharusnya menjadikan masjid sebagai rumah kedua mereka.

Umat Islam perlu menjadikan institusi masjid sebagai tempat rujukan utama terhadap setiap permasalahan yang timbul dan menjadikan masjid sebagai pusat komuniti dalam masyarakat. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti kerohanian dilaksanakan di institusi masjid seperti menunaikan solat, beriktikaf, berzikir, belajar al-Quran, serta pelbagai aktiviti bersifat kemasyarakatan yang dianjurkan oleh jawatankuasa masjid. Setiap individu perlu memainkan peranan dengan menyertai semua aktiviti pengimarahkan di masjid supaya ianya dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam komuniti dan apa yang lebih penting ialah Allah SWT menjanjikan perlindungan di hari kiamat bagi seseorang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid (Ridhuwan 2020). Hal ini bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya yang memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. Maka merekalah orang yang diharapkan, mereka termasuk dalam golongan orang yang mendapat petunjuk” (al-Taubah: 18).

Masjid merupakan hak bersama umat Islam. Ia merupakan hak milik awam dan seluruh masyarakat mempunyai hak ke atas institusi masjid. Umat Islam perlu peka dan mengambil tanggungjawab untuk sama-sama mengimarahkan masjid agar syiar terbesar umat Islam ini kekal terpelihara daripada segala anasir yang boleh mencemarkan institusi agung umat Islam ini. Walaupun masjid merupakan tempat awam yang terbuka dan bebas dikunjungi pada bila-bila masa sahaja, namun masjid tidak boleh disamakan dengan tempat-tempat lain. Masjid mempunyai aturannya dan tatacaranya yang tersendiri yang perlu dihormati kemuliannya.

### Permasalahan Kajian

Menurut Muhammad Faisal (2018) sehingga tahun 2017, Malaysia mempunyai bilangan masjid melebihi 6382 buah yang boleh memenuhi keperluan masyarakat Islam di Malaysia. Pembinaan sebuah masjid adalah asas penting dalam membangunkan masyarakat Islam. Hubungan masyarakat dan masjid tidak dapat dipisahkan kerana masjid adalah tunggak dan nadi kegiatan harian umat Islam. Begitu juga dengan institusi masjid yang memerlukan masyarakat Islam untuk mengimarhkannya (Nor Azlina et al. 2016).

Namun pada hari ini isu wabak penyakit berjangkit yang dikenali sebagai COVID-19 telah membimbangkan dunia. Malaysia juga turut terkesan dengan penularan penyakit ini apabila kes pertama dikesan pada 25 Januari 2020 (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Penyebaran wabak ini turut memberi kesan kepada institusi masjid. Pada peringkat awal pandemik ini menular, terdapat penutupan beberapa buah masjid di sekitar Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dua buah masjid ditutup di Putrajaya ialah Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin manakala sebuah masjid di Kuala Lumpur iaitu Masjid Wilayah Persekutuan. Ketiga-tiga masjid ini ditutup buat sementara waktu kepada pelancong bukan Islam susulan kebimbangan terhadap wabak COVID-19 (Berita Harian 26 Febuari 2020). Namun begitu, ketiga-tiga masjid ini dibuka semula pada 29 Januari untuk lawatan pelancong (Sinar Harian 29 Januari 2020). Penularan wabak COVID-19 ini semakin membimbangkan apabila terdapat kes positif di sebuah masjid melibatkan warga tempatan. Pada 11 Mac 2020 terdapat seorang jemaah masjid (warga emas) yang disahkan positif COVID-19 di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur (Berita Harian 2020). Kronologi kes ini bermula apabila beliau telah menghadiri satu perhimpunan tabligh pada 28 Febuari hingga 1 Mac 2020 yang dihadiri lebih daripada 5000 orang peserta. Setakat hari ini, penyumbang terbesar penyebaran COVID-19 dalam kalangan jemaah masjid di Malaysia adalah berpunca daripada kluster tabligh hasil daripada perhimpunan besar-besaran jemaah tabligh di masjid Sri Petaling Kuala Lumpur. Susulan daripada kes ini, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan semua institusi masjid ditutup buat sementara waktu. Hal ini agak membimbangkan masyarakat Islam kerana mereka tidak dibenarkan untuk melakukan aktiviti pengimarahkan masjid terutama solat lima waktu.

Bukan sahaja di Malaysia, malah Arab Saudi turut mengambil langkah pengosongan perkarangan Kaabah di Masjidil Haram bagi tujuan pembersihan berikutan kebimbangan terhadap penularan wabak COVID-19 (Harian Metro 6 Mac 2020). Arab Saudi menggantung sementara kemasukkan jemaah umrah di Makkah dan menangguh aktiviti ziarah di Masjid Nabawi Madinah. Pengumuman daripada Kementerian Luar Arab Saudi tersebut sebagai langkah kewaspadaan susulan kebimbangan terhadap penularan wabak COVID-19. Kerajaan Arab Saudi turut menggantung visa pelancongan dari negara yang berdepan ancaman COVID-19 (Berita Harian 27 Febuari 2020).

Berdasarkan permasalahan tersebut, artikel ini bertujuan memperincikan peranan kebersamaan yang perlu dimainkan oleh pihak pengurusan masjid dan ahli jemaah dalam mengimarahkan institusi masjid ketika pandemik COVID-19. Pengurusan masjid dan ahli jemaah memainkan peranan penting dalam mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak berwajib agar wabak pandemik ini dapat dibendung penularannya terutama dalam kalangan jemaah masjid. Selain itu juga, artikel ini memperincikan peranan semua pihak dalam menghidupkan roh masjid dalam komuniti dan keluarga agar institusi masjid terus melekat dalam diri walaupun perlu mengikuti SOP dan kawalan pergerakan dilaksanakan ketika pademik COVID-19 melanda.

### **Takrif COVID-19**

Pada peringkat awal penularan wabak ini, Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan istilah penyakit ini sebagai "koronavirus baru 2019". Pihak media pula turut menggunakan pelbagai istilah merujuk kepada penyakit ini seperti "koronavirus Wuhan", "Radang Paru-Paru Wuhan" dan "Radang Paru-Paru Korona Baru". Namun begitu pada 11 Febuari 2020, secara rasminya wabak penyakit ini dinamakan sebagai "COVID-19" (Bernama 2020).

Penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) dikenali sebagai penyakit pernafasan akut 2019-nCoV, iaitu satu penyakit berjangkit disebabkan oleh SARS-CoV-2 (novel koronavirus 2019), iaitu sebuah virus yang berkait rapat dengan virus SARS. Penyakit ini boleh menjangkiti manusia melalui beberapa cara seperti melalui titisan pernafasan dari individu yang sudah dijangkiti seperti melalui bersin, batuk dan juga selesema. Penyakit ini boleh berada dalam diri seseorang antara 2 hingga 14 hari apabila dijangkiti. Penyakit COVID-19 ini merupakan virus baharu yang mudah tersebar dan mudah dijangkiti dalam populasi masyarakat (WHO 2020). Apabila seseorang itu dijangkiti virus ini, ianya mempunyai dua keadaan sama ada tidak menunjukkan apa-apa gejala atau menunjukkan beberapa gejala seperti demam, batuk, sesak nafas, sakit otot dan mengalami keletihan. Peringkat yang lebih berat lagi adalah menyebabkan radang paru-paru, kesukaran untuk bernafas dan akhirnya menyebabkan kematian. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 (WHO 2020). Pandemik merujuk kepada sejenis penyakit berjangkit yang merebak melalui populasi manusia dan merentasi kawasan luas hingga melepasi sempadan negara dan benua, malah mudah merebak ke seluruh dunia dengan cepat (Astro Awani 12 Mac 2020).

### **Kronologi Penyebaran COVID-19 Di Masjid**

Kes pertama yang melibatkan jemaah masjid dapat dikesan pada 11 Mac 2020 apabila terdapat seorang jemaah masjid (warga emas) yang disahkan positif COVID-19 di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur (Berita Harian 2020). Kronologi kes ini bermula apabila beliau telah menghadiri satu perhimpunan tabligh pada 28 Febuari hingga 1 Mac 2020 yang dihadiri lebih daripada 5000 orang peserta. Perhimpunan ini telah menyebabkan peningkatan kes harian yang mendadak sehingga mencetuskan kluster baharu iaitu kluster Sri Petaling, Masjid Sri Petaling telah diarahkan supaya menghentikan operasinya daripada dikunjungi daripada orang ramai bagi proses disinfeksi pada 10 April 2020 (Berita Harian 10 April 2020).

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, kluster Sri Petaling merekodkan 3,375 kes positif COVID-19 dan melibatkan 42,023 individu yang disaring. Daripada kluster ini, ianya telah mewujudkan 17 sub-kluster dan kes terakhir dilaporkan adalah kes ke-8,367 iaitu kluster Kampung Sungai Lui. Beliau berkata, kluster berkenaan turut mencatatkan 34 kematian dan 87 individu dirawat di unit rawatan rapi (ICU) (Sinar Harian 25 Julai 2020).

Sebelum PKP dilaksanakan, beberapa buah masjid telah diarahkan tutup buat sementara waktu. Penutupan sementara beberapa masjid ini dilaksanakan kerana terdapat ahli jemaah lain yang dijangkiti oleh wabak COVID-19 selepas ujian pengesanan COVID-19 (*swab test*) dilaksanakan ke atas mereka. Selain daripada Masjid Sri Petaling, beberapa buah masjid lain telah diarahkan tutup untuk proses sanitasi antaranya Masjid Taman Seri Keranji di Kota Bharu diarahkan tutup untuk proses pembersihan dan sanitasi kerana masjid berkenaan dijadikan tempat persinggahan peserta jemaah tabligh yang pulang daripada perhimpunan tersebut.

Kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) turut membuat pembersihan dan masjid berkenaan telah dibuka semula beberapa hari kemudian (Mymetro 15 Mac 2020).

Selain jangkitan daripada kluster Sri Petaling, terdapat beberapa buah masjid turut ditutup buat sementara waktu apabila terdapat ahli jemaah yang dijangkiti wabak selepas pulang bercuti dari luar negara. Contohnya Masjid Al Munawwarah Seksyen 27 Shah Alam diarah tutup buat sementara waktu. Penutupan sementara masjid ini dibuat selepas didapati seorang jemaah masjid disahkan positif COVID-19 selepas pulang dari bercuti di Vietnam. Atas pertimbangan keselamatan nyawa dan penularan wabak COVID-19, masjid ini ditutup sementara waktu untuk sebarang aktiviti termasuk ibadah solat (Berita Harian 14 Mac 2020).

### **Imarah Masjid Pasca PKP, PKPB dan PKPP**

Malaysia mencatatkan kes positif tertinggi di Asia Tenggara iaitu 553 kes positif dalam masa 16 hari dan ini menyebabkan Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Pertama bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020 bagi tujuan memutuskan rangkaian kebolehhajatan COVID-19 dalam kalangan masyarakat. Melihat kepada *trend* peningkatan kes harian, PKP Fasa Kedua dilanjutkan pada 1 hingga 14 April diikuti Fasa Ketiga pada 15 hingga 28 April dan Fasa Keempat sehingga 12 Mei 2020.

Dalam tempoh PKP ini, masjid hanya diimarahkan oleh imam, bilal dan beberapa AJK sahaja. Pada peringkat awal, para jemaah dan umat Islam tidak dibenarkan hadir ke masjid. Hal ini menimbulkan kerisauan dalam kalangan jemaah masjid. Dalam menangani masalah ini, satu mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah bersidang pada 15 Mac 2020 melibatkan Ahli Jawatankuasa Muzakarah yang terdiri dalam kalangan Mufti-Mufti Seluruh Malaysia, Ahli-Ahli dilantik Majlis Raja-Raja dan turut hadir semua Ketua Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri Seluruh Malaysia, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA). Melalui Muzakarah Khas kali pertama ini, satu resolusi telah dikeluarkan iaitu semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah, solat jumaat ditangguhkan (JAKIM 27 April 2020).

Dalam persidangan ini juga menetapkan bidang kuasa bagi mengimarahkan institusi masjid pasca COVID-19 dalam tempoh PKP ini menetapkan hanya AJK masjid sahaja dibenarkan untuk mengimarahkan masjid dengan mengikut SOP yang telah digariskan oleh KKM dan MKN. Selain itu juga, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, semua masjid dan surau perlu melaksanakan operasi pembersihan dan nyah kuman dalam tempoh PKP selain cadangan pemasangan bacaan al-Qur'an di masjid sebelum azan berkumandang dan lain-lain pengimarahkan tertakluk kepada pihak berkuasa agama negeri masing-masing (Bharian 30 Mac 2020).

Setelah tamat tempoh PKP iaitu pada 3 Mei 2020. Perdana Menteri Malaysia telah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan iaitu bermula pada 4 Mei 2020 (Bernama 1 Mei 2020). Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah membenarkan masjid dan surau dalam zon hijau beroperasi semula dengan dilaksanakan solat fardu Jumaat dan solat lima waktu secara berjemaah secara terhad mengikut SOP yang telah ditetapkan. Oleh kerana tempoh PKPB ini turut melibatkan bulan kebesaran umat Islam iaitu bulan Ramadan dan bulan Syawal, maka solat sunat tarawih dan solat sunat Aidilfitri dibenarkan untuk dilaksanakan dengan kehadiran jemaah yang terhad berdasarkan SOP yang telah ditetapkan (14 Mei 2020). Dari sudut bilangan jemaah untuk melaksanakan solat fardu Jumaat dan solat jemaah lima waktu yang dibenarkan dalam tempoh PKPB ini adalah tidak kurang dari 3 orang tidak termasuk imam dan tidak lebih dari 30 orang jemaah (Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia kali ke-5).

Dalam tempoh PKPB ini juga, beberapa masjid yang berada di zon hijau turut diimarahkan dengan melaksanakan solat fardu Jumaat dan solat lima waktu. Antara masjid yang terlibat ialah masjid dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu sebanyak 25 buah masjid dan 31 buah surau dibenarkan beroperasi bermula 15 Mei 2020. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), memperkenalkan sistem giliran kepada semua ahli jemaah bagi menunaikan solat berjemaah sama ada solat lima waktu, solat fardu Jumaat dan solat tarawih di masjid dan surau terpilih.

Pengimarahkan institusi masjid dalam tempoh PKPB ini juga dilaksanakan di negeri-negeri lain berdasarkan kepada zon hijau di sesebuah kawasan antaranya di Negeri Selangor. Beberapa masjid memulakan solat fardu Jumaat bersyarat yang terhad kepada 12 orang sahaja membabitkan AJK masjid terlibat. Antara masjid yang dibenarkan melakukan solat fardu Jumaat ialah Masjid Negeri, Masjid Daerah dan Masjid DiRaja. Di Pulau Pinang juga membenarkan pelaksanaan solat fardu Jumaat dengan kapasiti terhad kepada 12 hingga 15 orang jemaah sahaja yang terdiri daripada pegawai masjid atau surau dan AJK serta siak. Begitu juga di Terengganu membenarkan pelaksanaan solat fardu Jumaat bermula 22 Mei 2020 dan hanya membenarkan

penggunaan satu masjid sahaja untuk satu daerah sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB. Di Sarawak pula solat fardu Jumaat hanya dibenarkan diadakan di masjid di seluruh negeri mulai 22 Mei, namun hanya 4 orang dan tidak melebihi 12 orang jemaah sahaja dibenarkan (Bharian 13 Mei 2020).

Tempoh PKPB ini berlanjutan sehingga 9 Jun 2020 dan diganti pula kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu bermula 10 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020. PKPP dilaksanakan hasil daripada kadar jangkitan COVID-19 menunjukkan *trend* yang semakin menurun. Statistik KKM memperlihatkan kadar jangkitan dalam kalangan rakyat tempatan semakin rendah dan terkawal. Dalam tempoh PKPP ini, lebih banyak kelonggaran diberikan untuk menjalani aktiviti kehidupan seharian di samping mematuhi SOP secara berterusan. Ini termasuklah pengimarah institusi masjid (Teks Ucapan Perdana Menteri 7 Jun 2020).

Pada peringkat awal pelaksanaan PKPP ini, pihak kerajaan memutuskan untuk membenarkan semua masjid dan surau untuk beroperasi dengan tertakluk kepada SOP yang ditetapkan. Walau bagaimanapun Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kebenaran untuk beroperasi itu tidak membabitkan surau dan masjid yang berada dalam zon merah (Bharian 15 Jun 2020).

Dalam tempoh PKPP ini juga, pembukaan institusi masjid dan surau untuk diimarahkan di setiap negeri dibuka secara berperingkat berdasarkan kepada *trend* penurunan kes semasa. Begitu juga dengan kapasiti jemaah yang dibenarkan dalam melaksanakan solat fardu Jumaat dan juga solat jemaah lima waktu sehingga ianya dibuka berkapasiti penuh dengan mengikut SOP yang telah digariskan oleh pihak pengurusan masjid dengan nasihat daripada KKM dan MKN (Sinar Harian 18 Jun 2020).

### **Peranan Ahli Jawatankuasa dan Ahli Jemaah Dalam Pengimarah Masjid Pasca COVID 19.**

Kekuatan institusi masjid bukan terletak kepada kukuhnya atau megahnya sesebuah bangunan masjid, tetapi keutuhan masjid terletak kepada pengisian dan pengimarahkan yang dilaksanakan di masjid tersebut. Perkataan *imarah* berasal dari bahasa Arab yang telah diterima pakai dalam bahasa Melayu dengan maksud hal-hal yang membawa kepada pembangunan, kemajuan, peningkatan dan sebagainya. Ianya diambil dari firman Allah dalam surah al-Tawbah, 9:18 yang bermaksud: “Sesungguhnya yang memakmurkan masjid-masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut) kepada seorang pun (selain kepada Allah, maka mereka orang-orang yang diharapkan termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk)”.

Menurut Hamka (1984) menyatakan *ta'mirul masjid* ialah selalu menghidupkan jemaah di dalamnya, beribadat, berkhidmat, memelihara, membersihkan, memperbaiki yang rosak, mencukupkan mana yang kurang dan berhijrah kepadanya untuk beribadah. Menurut Yusuf al-Qaradawi (1990), memakmurkan masjid bermaksud mendirikan solat di dalamnya, berdoa, berzikir, dan menegakkan syiar-syiarinya.

Secara sedar atau tidak, tugas untuk memakmurkan masjid sebenarnya mewarisi serta meneruskan tugas Rasulullah SAW dalam menyebar, mengembang, mendominasi dan mempertahankan syariat Allah SWT dalam masyarakat. Tugas ini sebenarnya amat berat dan mencabar tetapi dijanjikan dengan ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Matlamat pengimarahkan dan keceriaan masjid dapat dibahagikan kepada tiga matlamat utama iaitu mengajak manusia bertakwa dan menjauhkan maksiat, meninggikan syiar Islam dan menjauhkan syirik dan yang ketiga membimbing golongan jahil dan memberi peringatan yang lalai supaya kembali kepada Allah. Semua matlamat ini berkait rapat antara satu sama lain. Jika salah satu matlamat ini ditinggalkan, maka terdapat ketidaksempurnaan dalam aktiviti pengurusan pengimarahkan institusi masjid (Ridhuwan 2020).

Institusi masjid bergantung sepenuhnya kepada dua entiti utama iaitu pihak pengurusan (AJK) dan ahli jemaah dalam memakmurkan dan mengimarahkannya. AJK masjid adalah pihak yang bertanggungjawab mengawal selia dan mengurus institusi masjid bagi mencapai visi dan misi penubuhan sesebuah masjid, manakala ahli jemaah merupakan entiti penting dan berperanan besar dalam menjayakan segala perancangan yang diuruskan oleh pihak pengurusan masjid. Walaupun pandemik COVID-19 melanda negara, namun pengimarahkan institusi masjid terus berjalan berdasarkan SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama dan juga KKM.

Antara peranan AJK masjid dan ahli jemaah dalam adalah seperti berikut:

#### **1. Peranan AJK Masjid Dalam Memberi Penerangan**

Penyampaian maklumat yang tepat dan penuh hikmah merupakan satu cara terbaik dalam memberi penerangan dan maklumat kepada ahli jemaah dan komuniti setempat berkaitan dengan SOP pengimarahkan dan solat berjemaah di masjid sepanjang pandemik COVID-19. Dalam pengimarahkan institusi masjid pasca COVID-19, AJK masjid memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran dan maklumat-maklumat baharu berkaitan dengan pelaksanaan ibadah. Umum mengetahui bahawa dengan penularan wabak COVID-19 ini,

semua aktiviti ibadah umat Islam terjejas. Seluruh umat Islam tidak dapat menjalani ibadah di masjid ataupun surau ekoran daripada pelaksanaan beberapa siri kawalan pergerakan (Siti Samihah 2021 et al.).

Menurut Burhanuddin et al. (2020) sebagai agen dakwah dalam komuniti, AJK masjid berperanan besar dalam memberi penerangan, nasihat dan maklumat bagi memastikan umat Islam memahami dengan jelas berkaitan dengan SOP yang dikeluarkan oleh pihak KKM dan MKN. Walaupun pihak berkuasa agama seperti pihak berkuasa agama negeri dan juga Majlis Fatwa Kebangsaan telah membuat ketetapan berkaitan SOP pengimarah masjid, pihak pengurusan masjid seharusnya berperanan dalam memberi penerangan yang jelas dan berterusan sama ada melalui media sosial atau mengedar risalah kepada ahli kariah berkaitan SOP pengimarah di masjid atau surau.

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa sepanjang pandemik COVID-19 melanda, terdapat beberapa siri perintah kawalan pergerakan seperti PKP, PKPB, PKPD sehingga ke fasa Pemulihan Negera menyaksikan beberapa bentuk SOP yang berbeza berdasarkan situasi semasa penularan wabak COVID-19. Oleh itu, AJK masjid perlu mengambil inisiatif yang bijak dalam menyalurkan maklumat semasa kepada ahli kariah setempat supaya mereka memahami dengan jelas setiap SOP dan fatwa semasa berkaitan dengan pengimarah masjid semasa pandemik COVID-19 melanda.

## 2. Peranan AJK Masjid Menyampaikan Dakwah Melalui Pelbagai Platform

Antara fungsi utama institusi masjid adalah menyampaikan dakwah dan memberi pendidikan kepada komuniti dan masyarakat umat Islam. Sejarah pendidikan Islam telah membuktikan bahawa masjid merupakan institusi terawal bagi pendidikan Islam apabila masjid Nabawi di Madinah al-Munawarah dijadikan tempat utama dalam mempelajari dan menyebarkan agama Islam (Mohd Ismail et al. 2017). Setelah terbinanya masjid Nabawi maka tertubuhlah institusi *Kuttab* dan *al-Suffah* di masjid Nabawi bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran agama Islam (Mohd Ridhuan 2020).

Menurut Mohd Shafiee et al. (2021) masjid adalah tempat yang paling sesuai dalam menyampaikan dakwah, memberi pendidikan dan seterusnya menjadi tempat utama dalam menyebarkan ilmu agama. Ia adalah sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW. Masjid berperanan besar dalam mendidik masyarakat ke arah meningkatkan nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan bermasyarakat. Ianya merupakan medium utama dalam menyatupadukan jiwa umat Islam seterusnya mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam masyarakat.

Pandemik COVID-19 telah membuka mata para pendakwah dan pihak pengurusan masjid untuk mencari alternatif baharu dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Semasa pelaksanaan kawalan pergerakan dilaksanakan, hampir kesemua aktiviti pengimarah masjid tertangguh (Shahlawati et al. 2021) Hal ini memerlukan inisiatif daripada pihak pengurusan masjid dalam meneruskan aktiviti dakwah di masjid. Dalam meneruskan aktiviti dakwah pasca COVID-19, ianya memerlukan kepada penggunaan media baharu sebagai alternatif penting yang perlu dipandang serius oleh pihak pengurusan masjid.

Konsep pengimarah masjid perlu diubah dan dipelbagaikan. Pengimarah masjid bukan sahaja boleh dilakukan secara bersemuka atau dikhususkan di kawasan masjid sahaja, tetapi pengimarah masjid perlu diperluaskan konsepnya mengikut keperluan dan kehendak semasa supaya segala aktiviti dakwah dan pengajian dapat disampaikan dengan sebaiknya. Dalam suasana pandemik COVID-19 ini, aktiviti dakwah dan konsep pembelajaran secara atas talian (*online*) merupakan alternatif paling praktikal yang perlu dipraktikkan dalam institusi masjid (Firmansyah, 2021).

Selain penyampaian dakwah dan pengajian melalui atas talian, pihak pengurusan masjid dan para pendakwah perlu memanfaatkan kemunculan pelbagai media baharu seperti *facebook*, *twitter*, *whatsapp*, *instagram*, *telegram* dan aplikasi *tiktok* sebagai wasilah dakwah dalam menyampaikan ilmu-ilmu agama. Pihak pengurusan masjid perlu kreatif dalam menyediakan isi kandungan (*content*) yang terbaik supaya maklumat yang disampaikan mampu menarik minat golongan sasar. Jika semua ini dapat dilakukan dengan baik dan konsisten, maka ianya menjadi satu fenomena baharu yang mampu mencetuskan natijah yang terbaik dalam penyebaran dakwah di alaf moden ini hasil daripada gabungan elemen dakwah dan teknologi masakini.

## 3. Peranan AJK Masjid Membantu Masyarakat

Penangguhan sementara solat berjemaah di masjid tidak bererti semua aktiviti pengimarah masjid terhenti sepenuhnya. Pelaksanaan beberapa siri kawalan pergerakan tidak bermakna pihak pengurusan masjid tidak perlu melaksanakan program pengimarah masjid. Pelbagai aktiviti pengimarah boleh dilaksanakan seperti pelaksanaan program kemasyarakatan bagi membantu golongan yang memerlukan semasa pandemik COVID-19 ini menular. Menurut Rozita Talha (2020) penularan pandemik COVID-19 berserta beberapa siri kawalan pergerakan memberi impak yang menyeluruh kepada kehidupan masyarakat. Ramai dalam kalangan masyarakat terkesan teruk terutama dari sudut ekonomi dan kewangan yang menyebabkan hilang punca

pendapatan, hilang pekerjaan, dan ada juga pelaksanaan potongan gaji yang dilaksanakan bagi mengurangkan kos sedia ada.

Dalam mengimbangi suasana resah dalam kalangan rakyat yang terkesan ini, pihak pengurusan masjid perlu cakna dengan mengambil inisiatif segera dalam memberi bantuan kepada ahli kariah yang terkesan. Di sini pentingnya *database* yang mengandungi senarai ahli kariah. Semua dokumentasi setiap ahli kariah perlu disimpan dalam fail pengurusan masjid. Semua data yang diperolehi perlu dikemaskini dari masa ke semasa bagi mengetahui perkembangan terkini anak kariah. Selain itu juga, pelaksanaan kempen “kariah prihatin” dengan menggalakkan ahli kariah mendaftar dengan pihak masjid atau melaporkan kepada pihak masjid sekiranya terdapat ahli kariah yang daif dan memerlukan bantuan. Ini secara tidak langsung dapat mengelakkan keciciran dalam kalangan ahli kariah daripada mendapat bantuan daripada pihak masjid (Mohamad Sofuan 2021).

Selain daripada bantuan bekalan makanan dan bantuan kewangan, pihak pengurusan masjid juga perlu menyediakan khidmat kaunseling kepada ahli kariah yang mengalami tekanan emosi semasa pandemik COVID-19 ini. Menurut Abdul Rashid et al. (2020) kerisauan yang melampau terhadap wabak COVID-19 dan beberapa isu pemberhentian kerja, isu kewangan, bekerja dari rumah, kurangnya sosialisasi dengan saudara mara dan sahabat menyebabkan aspek kesihatan mental ini perlu diberi perhatian serius dalam masyarakat pada hari ini. Oleh sebab itu, program kemasyarakatan ini perlu ditekankan dalam setiap siri program pengimarahannya institusi masjid. Menurut Mohd Ridhuan (2020) pelaksanaan program kemasyarakatan khidmat sosial dan bantuan prihatin ini adalah kesinambungan daripada hubungan yang terjalin sesama manusia dalam siri pengimarahannya institusi masjid.

#### 4. Ahli Jemaah Menghidupkan Roh Masjid di Rumah

Penangguhan pelaksanaan ibadah di masjid buat sementara waktu ketika PKP dilaksanakan bukan bererti syiar solat berjemaah juga tertangguh sepenuhnya. Ibadah solat berjemaah perlu dilaksanakan di rumah sama ada bersama keluarga atau sesiapa sahaja yang ada dalam sesebuah rumah atau bangunan. Sebagai ketua keluarga dalam sesebuah rumah maka menjadi kewajipan ketua keluarga untuk mengajak seisi keluarga untuk menghidupkan roh masjid di rumah masing-masing.

Dalam menghidupkan roh masjid di rumah, ketua keluarga memainkan peranan penting dalam mengajak ahli keluarga dalam melaksanakan aktiviti ibadah dirumah sepertimana dilakukan di masjid. Pelbagai amalan-amalan dan aktiviti yang dilaksanakan di masjid boleh dilakukan dirumah bersama ahli keluarga antaranya melaungkan azan dirumah setiap masuk waktu solat, solat berjemaah bersama ahli keluarga, tazkirah selepas solat fardu, belajar dan mengajar anak-anak membaca al-Quran, berzikir dan berpuasa sunat. Semua amalan dan ibadah ini merupakan usaha untuk meninggikan syiar Islam dalam keadaan sukar. Allah SWT menyatakan bahawa mereka yang menghidupkan roh dan syiar Islam ini adalah mereka yang bertakwa kepada Allah. Hal ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Hajj ayat 22:32 maksudnya “Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah maka (dia lah orang yang bertaqwa) kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat taqwa hati orang mukmin”.

Menghidupkan roh masjid di dalam rumah secara tidak langsung ianya mampu menginsafkan diri bahawa betapa pentingnya institusi masjid dalam melaksanakan ibadah. Memindahkan beberapa bentuk ibadah masjid ke dalam rumah buat sementara waktu pastinya meningkatkan lagi rasa kerinduan kepada institusi masjid, sudah pasti seisi keluarga menanan azam dalam diri untuk sentiasa mengunjungi institusi masjid selepas wabak ini berakahir. Sudah pasti kerinduan kepada institusi masjid tidak akan hilang dalam jiwa umat Islam kerana hati mereka sentiasa terikat dengan masjid walaupun tempoh penangguhan ibadah di masjid begitu lama. Menurut Norsaadah (2021) proses internalisasi nilai-nilai agama dan cintakan ibadah ini amat penting dalam usaha membentuk jati diri umat Islam yang mentaati perintah syara’ sekaligus membentuk dan membina ukhwah seisi rumah dengan akhlak Islam.

#### 5. Ahli Jemaah Perlu Mematuhi SOP Ibadah

Dalam mengekang penularan wabak COVID-19 terus menular dalam masyarakat. Pihak KKM melaksanakan SOP kepada semua rakyat dalam negara ini. Dalam mengekang penularan wabak ini beberapa langkah telah diambil pihak berwajib bagi mengelak masyarakat dijangkiti wabak ini, pembatalan atau penundaan sebarang acara berskala besar serta larangan berkumpul telah diumumkan oleh MKN dan KKM termasuk SOP kehadiran jemaah ke masjid.

Bermula pada 18 Mac 2020 seluruh kehidupan rakyat Malaysia mula berubah kepada norma baharu. Kehidupan masyarakat mula terikat dengan SOP yang ditetapkan berdasarkan *trend* penularan kes COVID-19 semasa. Pelaksanaan SOP di masjid seperti menghadkan kehadiran jemaah, menangguhkan solat fardu Jumaat,



mewajibkan memakai pelitup muka, penjarakan saf satu meter, imbas kod MySejahtera, mewajibkan dua dos vaksin lengkap dan membawa sejadah sendiri antara SOP yang perlu dilakukan oleh umat Islam. Keputusan yang dibuat ini berdasarkan hakikat dan realiti semasa bertujuan untuk mengelakkan kemudharatan yang lebih besar.

Sebagai ahli jemaah masjid, sudah pasti segala ketetapan dan SOP yang digariskan perlu diikuti dengan sebaiknya. Ini kerana SOP yang digariskan semuanya menjurus kepada kebaikan iaitu untuk menjaga nyawa (Hifz al-Nafs) dan mengelakkan diri daripada kemudharatan. Hal ini bertepatan dengan firmah Allah SWT dalam surah al-Baqarah 2:195 maksudnya “ dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah, kerana Allah menyukai orang-orang yang melakukan kebaikan”.

Pelaksanaan SOP adalah merupakan arahan daripada pihak pemerintah (ulil amri) dan secara tidak langsung ianya merupakan perintah yang perlu diikuti dan ditaati. Ini bertepatan dengan kaedah *taṣarruf al imām manuūt bi al-maṣlahah*. Dalam konsep ketaatan kepada pemimpin telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Nisa’ 4:59 maksudnya “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada orang-orang yang berkuasa dari antara kamu.”. perlu difahami di sini bahawa ketaatan kepada pemimpin bukan bersifat mutlak dalam semua perkara sebagaimana ketaatan kepada Allah dan Rasul. Hal ini kerana pemimpin merupakan manusia yang tidak terlepas daripada kesilapan. Ini bermakna, para pemimpin tidak perlu ditaati dalam urusan kemaksiatan. Namun begitu, arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah berkaitan wabak COVID-19 adalah sesuatu yang makruf, menjerus ke arah kebaikan dan mendatangkan masalah kepada rakyat. Sama ada suka atau tidak suka, maka itulah arahan, prosedur dan SOP yang perlu kita patuhi demi kebaikan bersama untuk kemaslahatan nyawa dan negara.

#### 6. Kebersamaan AJK dan Ahli Jemaah Dalam Mematuhi SOP Masjid.

Dalam memastikan institusi masjid terus diimarahkan pasca COVID-19 ini, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Datuk Zainal Abidin Kasim meminta AJK masjid memainkan peranan untuk memastikan setiap jemaah yang hadir ke masjid mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak pengurusan masjid sepanjang tempoh PKPP ini dilaksanakan (Astroawani 12 Julai 2020). SOP yang perlu dilaksanakan dalam mengimarahkan institusi masjid pasca COVID-19 pada dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu pelaksanaan solat fardu Jumaat dan solat lima waktu secara berjemaah. Dalam melaksanakan dua ibadah ini, kedua-dua pihak iaitu pihak pengurusan masjid dan ahli jemaah memainkan peranan penting dalam mematuhi SOP yang perlu dilaksanakan. Pelaksanaan SOP yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

#### Peranan Pengurusan dan Ahli Jemaah semasa di masjid

<b>Peranan Pengurusan Masjid</b>	<b>Peranan Ahli Jemaah</b>
Mewujudkan kaunter bagi pemeriksaan suhu badan, sanitasi tangan dan serta rekod kehadiran jemaah atau scan MySejahtera	Jemaah merekodkan nama di dalam buku kehadiran yang disediakan atau scan Mysejahtera.
Memastikan jemaah merekodkan nama di dalam buku yang disediakan.	Jemaah yang mengidap penyakit kronik, bergejala/simptom COVID-19, kanak-kanak di bawah umur 15 tahun tidak dibenarkan hadir berjemaah di masjid.
Pintu masjid dibuka hanya sejam sebelum azan dan ditutup sejeurus selepas selesai iqamah.	Jemaah tidak bersalaman dan bersentuhan sepanjang berada di masjid, surau Jumaat atau surau.
Pengurusan masjid hendaklah membuat penandaan jarak antara jemaah sekurang-kurangnya 1 meter.	Jemaah perlu berwuduk di rumah sebelum hadir ke masjid.
Melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wudhu’ sebelum dan selepas solat.	Jemaah hendaklah masuk dan keluar masjid mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal.

Memastikan jemaah dalam keadaan sihat sahaja dibenarkan masuk.	Jemaah hendaklah terus bersurai dalam keadaan tenang selepas siap melaksanakan ibadah solat.
Solat Jumaat dilakukan selama maksima 10 minit; dan Imam digalakkan membaca surah atau ayat yang pendek.	Hanya jemaah lelaki sahaja digalakkan hadir.
Lengkap suntikan dos vaksin.	Lengkap suntikan dos vaksin.
Menyediakan sejadah dan pelitup muka bagi jemaah yang terlupa membawa sejadah dan pelitup muka	Membawa sejadah sendiri di rumah dan sentiasa memakai pelitup muka

Sumber: Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Sepanjang pemerhatian, pengkaji dapat simpulkan bahawa hanya di institusi masjid dilihat berjaya mematuhi SOP walaupun dihadiri oleh ramai orang. Pihak pengurusan masjid dan ahli jemaah sangat memberi kerjasama dengan sebaiknya serta mematuhi SOP yang telah digariskan. Hal ini turut dinyatakan oleh Menteri Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri (9 Julai 2020) dan juga Perdana Menteri turut menzahirkan rasa bangga terhadap para jemaah yang mematuhi peraturan dengan tertib ketika menunaikan solat jumaat (Pejabat Perdana Menteri 12 Julai 2020).

## KESIMPULAN

Pelaksanaan ibadah solat di masjid pasca COVID -19 adalah merupakan suasana baharu (*new normal*) yang perlu diterima oleh umat Islam. Sudah pastinya seluruh umat Islam merindui dan menginginkan suasana masjid yang meriah seperti sebelum wabak pandemik ini melanda. Namun, kita perlu sedar bahawa pandemik ini belum berakhir. Walaupun ramai dalam kalangan masyarakat Islam mempertikaikan SOP di masjid agak ketat berbanding tempat awam lain yang lebih ramai dikunjungi dengan pengabaian penjarakan sosial namun kita perlu melihat dari sudut positif bahawa institusi masjid telah memberi imej yang sangat baik dalam pematuhan SOP berbanding ditempat-tempat lain.

Segala SOP yang dilaksanakan semasa solat di masjid pada masa ini berkaitan hukum fiqh semasa, segala hukum atau isu berkaitan dengan pelaksanaan ibadah semasa pandemik adalah melibatkan perkara baharu yang memerlukan kepada kepakaran ahli fatwa untuk memutuskan hukum dan SOP sepanjang wabak ini masih belum berakhir. Kita perlu yakin dan mengiktiraf pandangan golongan agamawan dan majlis fatwa dalam menangani isu ini. Sebagai rakyat dan umat Islam yang bertanggungjawab, kita perlu mematuhi segala arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa demi menjaga nyawa (*Hifz Nafs*). Segala peraturan baharu dalam pelaksanaan ibadah di masjid adalah bersifat sementara dan kembali kepada asal sekiranya wabak ini dapat dibendung.

Selain itu juga, pihak pengurusan masjid juga perlu menjalankan tugas dengan sebaiknya serta bersikap adil sesama jemaah yang hadir, begitu juga dengan ahli jemaah perlu bersifat jujur dan amanah terhadap diri sendiri ketika datang ke masjid. Setiap jemaah yang hadir ke masjid adalah tetamu Allah SWT yang perlu disantuni dengan baik. Jika terdapat ahli jemaah yang melanggar SOP yang telah digariskan maka ambillah pendekatan yang penuh hikmah dalam memberi nasihat kepada mereka. Begitu juga kepada ahli jemaah, mereka perlu mematuhi peraturan SOP yang telah digariskan dan menghormati ahli jawatankuasa masjid semasa berurusan di masjid. Kita doakan semoga Allah SWT mengangkat wabak COVID-19 ini berakhir dan umat Islam bebas melaksanakan Ibadah solat di masjid seperti sediakala.

## Rujukan

- Abd Rahman Hasan Hanbakah. 1995. *Ibtala' al-Iradāh bi al-Imān wa al-Islām wa al-Ibadāh*. Damshiq: Dār al-Qalām.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor dan Nor Hamizah Ab Razak. 2020. Wabak COVID-19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 2(4): 156-174.
- Berita Harian. 26 Januari 2020. Coronavirus: Masjid Putra ditutup untuk lawatan". Dicapai pada 8 Mac 2020.
- Bernama. 12 Februari 2020. Covid-19' nama rasmi koronavirus baharu. Dicapai pada 29 Februari 2020. Harian

Metro.

- Bertens, K. 1979. *Sejarah Filsafat Yunani*. Jogjakarta: Penerbitan Yayasan Kanisius.
- Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik. Anjuran Bersama: Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Universitas Ibnu Khaldun, Bogor dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail, Sayuti Ab Ghani, Muntaha Hj Salleh & Ezad Azraai Jamsari. 2020. Isu Covid-19 Dalam Kandungan Ceramah Agama Pendakwah Malaysia Di Youtube.
- Firmansyah. 2021. Motivasi Belajar dan Respon Siswa terhadap Online Learning sebagai Strategi Pembelajaran di Masa Pandemi Covid-19. Edukatif: *Jurnal Ilmu Pendidikan*. 3(2): 589 –59.
- Hamdan Hassan (ed.). 1980. *Falsafah Takdir*. Kuantan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-kini-diisytihar-pandemik-who-233375>
- <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/tahap-pematuhan-sop-pkpp-di-masjid-surau- memuaskan-zulkifli-250522>
- <https://selangorkini.my/2020/03/masjid-seri-petaling-ditutup-kepada-orang-ramai/>
- <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1837419>. Perintah Kawalan Pergerakan bersyarat akan dilaksana - Muhyiddin". Bernama. 1 Mei 2020.
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/661933/malaysia-alami-gelombang- kedua- covid-19>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/664769/covid-19-kes-di-masjid-seri-petaling-kluster-baharu>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665459/masjid-ditutup-selepas-jemaah positif-covid-19>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/671146/covid-19-patuhi-arah-tanggung-aktiviti-di-masjid-surau>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/688737/pkpb-solat-jumaat-berjemaah-di-masjid-surau-terpilih-di-zon-hijau>
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/700546/semua-masjid-surau-di- wilayah-ersekutuan-boleh-beroperasi>.
- <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2020/02/659755/arab-saudi-gantung- sementara- visa- umrah>
- <https://www.hmetro.com.my/global/2020/03/551628/covid-19-pekarangan-kaabah-ditutup-untu pembersihan>
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/554866/masjid-taman-seri-keranji-ditutup>
- <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/07/597857/kluster-sri-petaling-diisytihar-tamat metrotv>
- <https://www.pmo.gov.my/2020/06/teks-ucapan-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan-pemulihan-pkpp/>
- <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/06/pm-muhyiddin-bangga-jemaah-tunai-solat-jumaat-ikut-sop/>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/77357/KHAS/Koronavirus/Covid-19-Kluster- tabligh-penyumbang-terbesar-kes-positif>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/88365/KHAS/Koronavirus/Lebih-banyak-masjid- dibuka-bagi-solat-Jumaat-fardu-mulai-esok>
- Humaidi Tatap Angarsa. 1979. *Kuliah Akidah Lengkap*. Surabaya: Penerbit PT Bina Ilmu.
- [Islam.gov.my/berita-semasa/29-bahagian-penyelidikan/2397-mesyuarat-jawatankuasa- muzakarah-khas-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia-mki- edisi- khas-pandemik- covid-19](http://Islam.gov.my/berita-semasa/29-bahagian-penyelidikan/2397-mesyuarat-jawatankuasa- muzakarah-khas-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia-mki- edisi- khas-pandemik- covid-19).
- Luqman Bin Abdullah. 2020. *Pendirian Mukmim Terhadap Virus Covid 19*. Dalam Tips Menghadapi Covid 19, Panduan Menurut Perspektif Islam. Terbitan Jabatan Agama Islam Malaysia.
- Mohamad Sofuan Mohamad Saleh. 2021. Penutupan Masjid Di Era Pandemik Covid 19: Komitmen Masjid Terhadap Kebajikan Ummah. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*. 1(2).
- Mohd Ridhwan bin Remly. 2020. *Cabaran dan Penambahbaikan Pengimarahannya Masjid: Kajian di Masjid Bertaraf Cemerlang, UKM Bangi*.
- Mohd Shafiee Hamzah, Anas Mohd Yunus, Nik Nor Azeah Nik Azman, Mariam Nabilah Mohd Noor & Mohd A'tarhim Mohd Razali. 2021. Cabaran Pengimarahannya Masjid Semasa Pandemik Covid 19: Kajian Kes Di Masjid Al-Rahman Pulau Perhentian. Al-Mimbar: *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*. 1(2).
- Muhamad Faisal A. dan Firdaus M. 2018. Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang Kehadiran Masyarakat ke Masjid. *Jurnal Hadhari*. 10(2): 205-223.
- MyHEALTH for life. 2020. Terbitan Edisi Khas. Cawangan Media Kesihatan Bahagian Pendidikan Kesihatan. Kementerian Kesihatan Malaysia
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. 2016. Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *e-Academia Journal UiTM*. 5(2): 219-229.

- Norsaadah Din dan Yusni Mohamad Yusak. 2021. Hikmah Wabak COVID-19 Menghidupkan Roh Masjid Dalam Keluarga Muslim. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*. 1(2).
- Novel Coronavirus (2019-nCoV) - Maklumat Terkini". Kementerian Kesihatan Malaysia. 8 Februari 2020. Dicapai pada 2020-02-08.
- Novel Coronavirus (2019-nCoV): situation report, 22 (Laporan). World Health Organization. 11 Februari 2020. "Q&A on coronaviruses". Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Dicapai pada 27 Januari 2020.
- Prevention and Treatment. Centers for Disease Control and Prevention (CDC). 9 August 2019. Diarkib daripada yang asal pada 15 Disember 2019. Dicapai pada 21 Januari 2020.
- Qutub, Sayid. 2000. *Tafsir Fī Zilāl al-Qurān*. Jil 9. Terj. Yusoff Zaki Yacob. Kelantan: Aman Press Sdn Bhd.
- Rozita Talha. 2020. *Kajian Kes Impak Perintah Kawalan Pergerakan Kepada Penduduk Malaysia*. Jabatan Perangkaan Negara.
- Safie, Shafiza, and Zulkifli Mohamed. 2020. Pencegahan Penyakit Berjangkit (Covid 19), Kesan dan Hikmahnya Menurut Perspektif Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*. 5(2): 49-58.
- Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon & Mariam Abdul Majid. 2021. Program Ibadah Masjid Dalam Kalangan Muslimat: Isu, Cabaran Dan Penyelesaian Dalam Era Pandemik. *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*. 1(2).
- Sinar Harian. 29 Januari 2020. Masjid Putra dibuka semula kepada pelawat. Dicapai pada 29 Januari 2020
- Sipalan, Joseph; Holmes, Sam (25 Januari 2020). "Malaysia confirms first cases of coronavirus infection". Reuters. Dicapai pada 18 Februari 2020.
- Wuhan Coronavirus: *Eighth positive case in Malaysia*. The Edge. 30 Januari 2020. Dicapai pada 8 Februari 2020.
- www.cdc.gov (dalam bahasa Inggeris). 2020-02-10. Diarkib daripada yang asal pada 30 January 2020. Dicapai pada 2020-02-11.